

Jaminan kepada pelabur Amerika



DR. MAHATHIR

HOUSTON, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada para usahawan dan pelabur di bandaraya ini yang kaya dengan minyak bahawa Kerajaan tidak akan menukar syarat-syarat ekuiti bagi menguntungkan rakyat Malaysia.

Berucap merasmikan pusat pelaburan FIDA di pusat perdagangan dunia di sini, beliau menegaskan, "Ini tidak pernah berlaku dan tidak akan berlaku di Malaysia."

Ketika membuat jaminan itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata beberapa buah syarikat telah menyatakan kebimbangan mereka bahawa meskipun pada awal mereka diberi ekuiti yang dapat diterima "Kerajaan mungkin setelah beberapa tahun akan menukarkan keadaan ekuiti bagi menyebelahi pihak Malaysia."

Beliau menekankan di hadapan lebih 70 orang peserta, kebanyakannya terdiri dari pegawai-pegawai kanan dalam perusahaan petroleum, bahawa perbuatan memiliknegerakan atau mengambilalih industri itu tidak akan berlaku walaupun perolehan secara sah mererusi pembelian saham-saham mungkin dibuat.

Mainan

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan meskipun perbuatan memiliknegerakan industri adalah mainan yang paling digemari oleh negara-negara yang baru merdeka, Malaysia enggan dipengaruhi oleh perbuatan itu.

"Kami menghargai pelaburan-pelaburan asing dan cukup yakin akan kebolehan kami melawan tipu-helah ala republik "Banana", tambahnya.

"Jadi perubahan di peringkat tengah tidak akan berlaku."

Ketika menghuraikan garis-garis panduan pelaburan kepada para peserta itu, setengah dari mereka tidak pernah melabur di Malaysia atau di rantau Asean, beliau berkata: "Ini adalah garis-garis panduan dan garis-garis panduan mengikut takrif tidak boleh bersifat kaku."

Beliau mengulangi bahawa Kerajaan bersedia menerima semua pandangan selagi f a e d a h yang didatangkan dikongsi secara saksama oleh pelabur dan negara-negara berkenaan.

Malaysia mengharapkan sumbangan positif terhadap pertumbuhan dan kebalkannya.

Katanya: "Tuan-tuan dijemput menikmati dari keuntungan itu tetapi kami berharap tuan-tuan bersikap pragmatis.

"Seseorang itu boleh menjalankan perniagaan tanpa bimbang atau ragu-ragu," tegasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Det 1429
No. Pen. 1100/80